

PUSAT KAJIAN ORIENTALISME DAN OCCIDENTALISME DALAM KAJIAN ISLAM: PENDEKATAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

(The Orientalism and Occidentalism Research Centre in Islamic Studies:
Approach of the Academy of Islamic Studies University of Malaya)

¹ RAHIMIN AFFANDI ABD RAHIM

² RUZMAN MOHD NOOR

³ MOHD KAMIL ABD MAJID

¹ MOHD FAEZ MOHD SHAH

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603, Malaysia.

² Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603, Malaysia.

³ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603, Malaysia.

ABSTRAK

Orientalisme merupakan kajian yang dihubungkan kepada bangsa timur melalui budaya, adat dan nilai ketimuran. Manakala, Occidentalisme merupakan suatu penyelidikan yang dijalankan ke atas tamadun barat dari sudut budaya, politik dan ekonomi. Oleh itu, kajian ini akan mengemukakan pendekatan yang dipegang oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dalam berhadapan dengan genre orientalisme ini melalui penubuhan occidentalisme Islam. Realitinya, pusat kajian orientalisme yang berada di negara-negara barat menjadi tumpuan sebilangan pelajar dan para sarjana Islam untuk meneruskan kajian ke atas ketamadunan masyarakat Timur. Justeru, artikel ini bakal mengemukakan peranan APIUM sebagai pusat kajian orientalisme dan occidentalisme dalam kajian-kajian Islam melalui pemeraksanaan terhadap disiplin occidentalisme. Perbincangan ini berasaskan kepada kerangka ini. Artikel yang dirangka khusus bakal mengandungi beberapa bahagian yang utama iaitu pertama, pengenalan; kedua, genre orientalisme dan sikap umat Islam; ketiga, pendekatan APIUM terhadap genre orientalisme dan pusat kajian occidentalisme; keempat, APIUM dan usaha pemeraksanaan disiplin occidentalisme; keempat, kesimpulan.

Kata kunci: Orientalisme; occidentalisme, Islam, APIUM

ABSTRACT

Basically orientalism is the study of people connected to the east through the culture, customs and and eastern values. Meanwhile, Occidentalism is a research conducted on western civilization in terms of culture, politics and economy. Therefore, this study will highlight the approaches that are held by the Academy of Islamic Studies, University of Malaya (APIUM) in dealing with this genre Occidentalism through the establishment of Islamic occidentalisme. In reality, orientalisme research center located in the western countries, the focus of students and Islamic scholars to continue research on the civilization of the orient. This article will present Academy of Islamic Studies (APIUM) role as a center of orientalism and Occidentalism research in Islamic studies through a strengthening of discipline Occidentalism. This discussion is based on this framework. Articles specially designed set contains several main parts: first, the introduction; second, genre orientalism and Muslim attitudes; third, the approach to the genre Academy of Islamic Studies orientalism and occidentalism study center; fourth, Academy of Islamic Studies and empowerment efforts for occidentalism discipline; fourth, conclusions.

Keywords: Orientalism, Occidentalism, Islam, APIUM

PENGENALAN

Sepanjang sejarah keilmuan umat Islam, pengaruh dari luar penting dalam membantu usaha reformasi pemikiran umat ke arah nisbah yang lebih baik. Memang umat Islam mempunyai kekuatan dalaman (*built in mechanism*) untuk memungkinkan proses penyegaran dilakukan tanpa memerlukan bantuan luar, tetapi pengaruh luaran ini merupakan suatu fitrah yang biasa untuk proses mematangkan ajaran Islam. Ia dilakukan tanpa merosakkan dan menggugat prinsip usuli Islam yang terpenting iaitu Tauhid. Ia dilakukan melalui proses respon-selektif dan sintesis yang cukup rapi sekali. Seandainya ada usaha melampau daripada umat Islam yang cuba menggadai prinsip asas Islam, usaha pembetulan pasti akan dilakukan dengan cukup berhemah oleh sarjana Islam. Sebenarnya umat Islam lebih banyak menyumbang kepada pembangunan keilmuan kepada tamadun lain dan bukannya meminjam secara membuta tuli pengaruh asing (Hamid Fahmi 2004). Difusi luar ini memang mempunyai *precedent* dalam sejarah Islam, walaupun ada menganggapinya secara negatif ataupun positif. Contohnya, (a) pengaruh elemen *Mawali* dalam pembentukan mazhab fiqh dalam Islam, (b) elemen Yunani, Hellenistik, Parsi dan India dalam memperkasakan pemikiran logik, sains dan falsafah Islam (Hairudin Harun 2004) dan (c) pengaruh barat dalam pemikiran reformasi Muhammad Abduh, Jamaluddin Afghani, (Rahimin Affandi 1997) Ahmad Khan dan gerakan kebangkitan semula Islam pada tahun-tahun 1970-an.

Dewasa ini, dengan kedatangan era globalisasi, kita dapat menyaksikan bagaimana peta pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dunia telah terbahagi kepada tiga buah lokasi yang utama iaitu dunia Barat yang berteraskan kaedah ala orientalisme (Faizal Ismail 1997), dunia Islam Timur Tengah yang lebih menumpukan kepada kerangka pengajian tradisionalisme dan dunia Alam Melayu (Malaysia dan Indonesia) yang dilihat telah mengadunkan di antara kerangka tradisionalisme dan reformisme sekaligus (Rahimin Affandi 2005). Walaupun pusat kajian Islam Alam Melayu telah menjadi begitu penting, tetapi ia masih belum mampu menandingi pusat kajian orientalis. Hal ini terjadi antara lainnya disebabkan oleh nisbah reputasi cemerlang yang dimiliki oleh pusat kajian orientalis itu sendiri (Rahimin Affandi 2005) ditambah pula dengan faktor dunia barat yang mendominasi pelbagai sektor strategik kehidupan dunia moden, termasuklah penguasaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dan ekonomi (Hashim Musa 2004).

Secara kasarnya, kita akan menganalisa pendekatan yang biasanya diguna pakai oleh kalangan sarjana Islam di dalam menangani isu pusat kajian orientalisme ini. Ada yang memandangnya secara negatif sehingga sanggup menuduh sesiapa sahaja yang pernah belajar di pusat kajian terbabit sebagai tali barut orientalis barat yang boleh dipertikaikan status keislamannya (Adian Husaini 2006). Anti tesis kepada golongan pertama, memang wujud sesetengah pihak yang begitu menghargainya secara melampau sehingga sanggup melupakan impak negatif yang pernah dibuat oleh pusat kajian ini ke atas kelangsungan umat Islam. Mereka sanggup mempergunakan dana bantuan yang disediakan oleh pemberi dana barat dan berusaha keras untuk mempromosikan pelbagai gagasan idealisme barat kepada umat Islam (Ahmad Baso 2002). Sedapat mungkin kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan yang bersifat wasatiyyah (pertengahan dan objektif) di dalam menilai kedua-dua pandangan ini, yang kemudiannya diakhir perbincangan, kita bakal mengemukakan pendekatan yang dipegang oleh APIUM sendiri berhadapan dengan genre orientalismee ini melalui penubuhan disiplin occidentalismee Islam.

PENDEKATAN APIUM TERHADAP GENRE ORIENTALISMEE DAN PUSAT KAJIAN OCCIDENTALISME

Disiplin occidentalisme adalah kajian yang dijalankan oleh masyarakat bukan barat terhadap masyarakat barat dalam dua aspek iaitu kajian kawasan dan kognitif. Sebagai langkah proaktif, apabila para sarjana moden menyedari tentang kelemahan disiplin orientalismee, usaha telah dibuat untuk melahirkan disiplin occidentalismee. Sebagai anti tesis kepada disiplin orientalismee, disiplin occidentalismee ini cuba memperbetulkan kesilapan disiplin orientalismee dengan menjadikan ruang fizikal dan abstrak/pemikiran masyarakat barat sebagai objek kajian. Namun begitu, ada kebimbangan bahawa kesilapan pendekatan yang diamalkan disiplin

orientalismee akan turut dilakukan oleh pencetus idea occidentalismee. Hal ini akan berlaku seandainya idea occidentalismee lebih berteraskan nilai permusuhan (*counter discourse*) kepada disiplin orientalismee.

Setakat ini, pembangunan disiplin occidentalisme ini telah diusahakan oleh pakar-pakar di luar bidang pengajian Islam, seperti bidang ilmu kemasyarakatan (IKON di Universiti Kebangsaan Malaysia) dan bidang ekonomi/ hubungan antarabangsa (Institut Asia-Eropah di Universiti Malaya) (Shamsul Amri 2004). Hal ini agak malang sekali, kerana subjek Islam antara lainnya telah dijadikan fokus utama dalam disiplin orientalismee silam (Asaf Husain 1984). Seeloknya, tugas untuk membangunkan disiplin occidentalismee juga perlu diusahakan oleh pakar dalam bidang pengajian Islam. Terpenting, pembangunan disiplin occidentalismee ini perlu didasarkan kepada kerangka pemikiran Islam yang bersifat objektif, kritikal, selektif dan futuristik.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa disiplin occidentalisme ini lahir akibat daripada falsafah pasca kolonialisme telah mendapat sambutan yang agak mengalakkan daripada sarjana Islam dan sarjana barat sendiri. Hal ini telah menyebabkan proses ulang kaji (*reviewing*) dilakukan terhadap disiplin orientalismee (Mohamad Daud 2005). Namun begitu, sayangnya proses kritikan ini hanya menumpukan perhatian kepada aspek negatif genre orientalismee tanpa berusaha untuk mengkaji elemen positif yang dimiliki oleh paradigma masyarakat barat (isu *world-view*, epistemologi dan kognitif). Antara contoh positif yang terhasil daripada pendekatan kajian orientalism adalah lahirnya kajian Mustaffa Azami, bekas pelajar lulusan Universiti Cambridge yang menggunakan pendekatan orientalism bagi menolak teori antihadis yang dikemukakan oleh Jospeht Schacht dan Ignaz Goldziher. Kajian Mustaffa Azami ini yang bertajuk, *Studies In Early Hadis Literature*, telah dijadikan model utama oleh sarjana barat lain apabila mengkritik dan mengulas teori antihadis tajaan sarjana orientalis klasik. Sepatutnya para sarjana Islam perlu mengambil pendekatan selektif dan objektif di dalam menilai bukan setakat elemen kognitif, bahkan juga elemen meta-kognitif (*thinking about thinking*) yang diamalkan oleh *world view* manusia barat (Rahimin Affandi 2010). Hal ini diharapkan agar sarjana Islam dapat mempelajari serba sedikit faktor kejayaan tamadun keilmuan masyarakat barat, yang berpunca daripada semangat budaya ilmu (*passion for meaning*) yang cukup tinggi (Hashim Musa 2004).

Berhadapan dengan dominasi penguasaan dunia barat ini, khususnya yang membabitkan kajian terhadap ajaran Islam, IPTA umat Islam perlu membangunkan disiplin occidentalismee bagi menangani kemungkinan berlakunya proses penaklukan epistemologi pemikiran yang dijalankan oleh dunia intelektual barat (Nejatullah Siddiqi 2006). Dalam soal ini, dunia akademia Islam perlu menggunakan pendekatan selektif dengan mempelajari elemen positif dan negatif daripada genre orientalismee. Hal ini kemudiannya perlu dilanjutkan

dengan mewujudkan pusat kajian occidentalismee bagi mempelajari paradigma pemikiran barat terhadap Islam. Memanglah diakui, pada masa sekarang belum ada lagi mana-mana IPTA Islam di Malaysia yang menubuhkan pusat kajian occidentalismee. Memang diakui IKON UKM ada menubuhkan pusat kajian occidentalism ini, namun tumpuan khusus tidak diberikan kepada subjek pengajian Islam seperti mana dimaksudkan oleh kajian ini. Hal ini agak malang sekali memandangkan idea asasnya telah pun dirintis oleh beberapa orang sarjana Islam moden. Mereka memaklumi keperluan mendesak kepada disiplin occidentalismee untuk pembangunan keilmuan umat Islam. Namun begitu, telah pun terdapat beberapa IPTA dan NGO tertentu yang telah cuba menubuhkan pusat kajian ini.

Secara kasarnya, jika dilakukan pemetaan terhadap bentuk, sikap dan modus operandi disiplin occidentalismee semasa, ia terbahagi kepada;

Pertama, pandangan yang memandang pusat kajian orientalisme dan masyarakat barat secara negatif secara mutlak. Ia dipegang oleh IPT tertentu di Indonesia yang mendapat pengabsahan daripada beberapa orang sarjana Islam. Bagi golongan ini, disiplin occidentalisme yang dilahirkan perlu menolak sekeras-kerasnya semua elemen kognitif dari barat, khususnya yang berkait tentang Islam. Pandangan ini berasaskan kepada beberapa intipati yang utama, seperti;

Pertama, ilmu Islam yang paling betul wajib dikaji dan dihasilkan oleh sarjana Islam sendiri yang berasaskan kepada *world-view* Islam yang murni. Atas dasar ini sebarang kajian dan kupasan tentang Islam yang dihasilkan oleh sarjana orientalis yang bukan beragama Islam perlu ditolak kerana ia dibuat bukan berasaskan *world-view* Islam yang menjiwai semangat dan roh Islam (Ahmad Ghorab 1995). Lebih lanjut lagi, sesiapa sahaja yang pernah belajar dan dilihat menyebarkan paradigma pengajian yang bersifat terbuka ataupun positif dengan pusat kajian orientalisme akan dituduh sebagai tali barut orientalis yang harus ditentang habis-habisan (Daud Rasyid 2002) sehinggalah kepada peringkat sanggup mengkafirkan kalangan ini.

Kedua, kajian yang dihasilkan oleh orientalis semuanya bermotifkan tujuan untuk merosakkan fahaman Islam sejati dengan menerapkan kaedah dan paradigma yang salah yang dapat memesongkan pemahaman Islam yang sepatutnya (Ahmad Ghorab 1995). Hal ini dijalankan kerana nisbah permusuhan yang abadi (antara hak dan batil) yang diwarisi daripada peristiwa Perang Salib di antara Islam dan barat (diwakili oleh golongan Yahudi dan Kristian). Atas dasar ini sebahagian daripada kajian orientalisme berusaha untuk memalukan umat Islam kerana berpegang kepada ajaran yang salah dan bertentangan dengan sifat pemodenan.

Jika dilakukan analisis meta-kognitif terhadap kesemua paparan negatif yang dinyatakan di atas, kita dapat mengesan beberapa kelemahan yang utama;

- 1) Kesemua pandangan negatif yang dikemukakan oleh sarjana Islam ini boleh dikatakan agak keterlaluan kerana ianya dilakukan berasaskan kepada pendekatan generalisasi yang agak keliru terhadap kesemua pandangan genre orientalisme, digambarkan seolah-olah kesemuanya sebagai jahat dan tidak ada mempunyai apa-apa kebaikan langsung. Ini kerana memang terdapat beberapa pandangan dan amalan paradigma orientalisme yang agak baik, yang patut ditiru oleh sarjana dan umat Islam sendiri. Buktinya, memang terdapat ramai dari kalangan orientalis ini yang menemui kesimpulan yang baik tentang Islam dan kemudiannya telah memeluk Islam (Maxime Rodinson 1977).
- 2) Paradigma yang menisbahkan dunia barat secara mutlak sebagai pusat kekuasaan gelap yang antiIslam ataupun sebagai diabolisme (pengikut tabiat Syaitan) (Syamsuddin Arif 2008) amat tidak boleh diterima oleh akal yang sihat. Lihat sebagai contohnya tokoh-tokoh gerakan Islam yang terkenal yang mengakui nisbah kebaikan yang dimiliki oleh masyarakat dan kerajaan barat itu sendiri. Sejarah mencatatkan bagaimana ramai daripada tokoh gerakan Islam yang ditindas oleh pemerintah negara umat Islam telah berhijrah ke negara barat yang kemudiannya bertanggungjawab memperkembangkan semangat kebangkitan semula Islam di daerah baru yang amat kondusif (*Civil society*) yang mampu memberi ruang untuk memperkembangkan kebebasan intelektual (Rahimin Affandi 2007).
- 3) Pusat Kajian Orientalisme barat memang cukup berpengalaman di dalam menghasilkan bahan kajian yang kaya dengan unsur-unsur *mechanical* analisis data yang dibuat terhadap karya-karya tradisi Islam. Sebagai lanjutan dari penggunaan pendekatan *historicisme* dan fenomenologi, sarjana orientalis telah berusaha melakukan analisis data terhadap karya-karya klasik umat Islam. Antara bahan-bahan yang dimaksudkan ini adalah seperti *Index Islamicus*, *Encyclopedia of Islam*, Mu'jam al-Quran dan Sunnah, terjemahan tafsir Quran, Sirah Nabawi dan terjemahan terhadap karya-karya sintasis fuqaha silam (Muhammad Nejatullah Siddiqi 1996). Hasilnya, kajian-kajian bentuk ini telah membantu proses penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang penyelidik termasuklah penyelidik Islam sendiri.

Kedua, penganut aliran liberalism yang berpegang dengan paradigma taksub melulu dengan semua elemen dari barat yang dianggap sebagai moden dan sesuai dengan konteks zaman moden. Di Malaysia, golongan ini terdiri

daripada beberapa kumpulan yang menganut fahaman liberalism (seperti IKD, *Sisters in Islam* dan *Middle Eastern Studies Group*) yang menggunakan dana asing barat (seperti *Asia foundation* dan *Konrad Adenauer Foundation*). Kumpulan ini sering melakukan wacana yang dihadiri oleh semua lapisan masyarakat bagi membincangkan isu-isu yang mengkritik kelemahan warisan Islam silam. Lebih penting lagi, kumpulan ini sering menjemput tokoh liberal daripada Indonesia (seperti Luthfi Assyaukanie, Musdah Mulia, Abd Moqsith Ghazali, Kiai Hussein dan sebagainya) Hasilnya, pelbagai isu liberalism yang sering diperbincangkan di Indonesia merangkumi isu penindasan wanita, ketertutupan Islam dengan perkembangan moden dan sikap anti terhadap golongan bukan Islam, turut sama didedahkan kepada anggota wacana. Sebagai contohnya, Luthfi Assyaukanie, menegaskan bahawa sekularisme tidak bercanggah dengan Islam, malah ia memberi berkah kepada Islam dan agama-agama lain. Menurutnya lagi sebuah demokrasi yang baik hanya boleh dilaksanakan jika ia mampu menerapkan prinsip-prinsip sekularisasi yang benar. Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara lain tidak menganggap sekularisme sebagai musuh agama, bahkan pelindung agama. Penerapan yang sebeginilah yang disarankan oleh Luthfi Assyaukanie untuk mendapat berkat sekularisme (Luthfi Assyaukanie 2007).

Ketiga, pusat kajian occidentalisme di IPT Malaysia (seperti IKON) yang mengamalkan sikap proaktif-selektif dengan pelbagai isu yang ditimbulkan oleh masyarakat barat. Dalam modus operandi yang dijalankan, pusat ini telah mewujudkan bidang ataupun pusat kajian khusus tentang masyarakat barat (seperti Amerika Syarikat dan Negara Eropah) di bawah pengawasan tokoh ilmiah terkemuka, menjalankan penyelidikan ilmiah di peringkat pasca siswazah dalam pelbagai bidang ilmu occidentalisme dan mengadakan bengkel *intellectual discourse* yang diberikan oleh pelbagai tokoh akademik dan politik dari barat sendiri.

Keempat, pusat IPT Malaysia yang mengamalkan paradigma alternatif - pendekatan dialog peradaban/selektif dengan pencapaian tamadun barat. Pendekatan ini menjadi asas utama yang dijalankan oleh Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDPUM). Pihak PDPUM memang bekerjasama dengan APIUM dalam bentuk khidmat nasihat dan pemilihan staf APIUM sebagai pentadbir (seperti jawatan Timbalan pengarah) di PDPUM. PDPUM-APIUM memang memilih paradigma ini kerana memahami pertentangan yang wujud antara dunia barat dan bukan barat sekarang bukan disebabkan oleh pertentangan agama, tetapi kerana adanya elemen politik-ekonomi *New World order* barat yang bersifat menindas masyarakat bukan barat. Jadi, bagi paradigma ini, pihak barat dan bukan barat perlu sama-sama belajar dengan kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh kedua belah pihak.

BAGAIMANA PEMBENTUKAN DISIPLIN OCCIDENTALISME ALTERNATIF

Kita boleh mencadangkan beberapa paradigma khusus untuk melahirkan disiplin occidentalisme yang lebih bernuansakan prinsip Islam. Ia adalah hasil analisis-sintesis daripada paradigma yang ditawarkan oleh Kuntowijoyo dan Syukri Salleh (Syukri Salleh 2009). Ia terdiri daripada;

- 1) Menjadikan sumber wahyu Islam (Quran dan Sunnah) dan prinsip Tauhid sebagai asas utama kepada pembentukan disiplin Occidentalisme. Ia merupakan semacam teori sosiologi Islam (*Sosiosophologi*) yang mengkaji persoalan hubungan antara masyarakat barat dan bukan Islam (Zainal Abidin 2003).
- 2) Melakukan proses *demistifikasi*; membebaskan umat Islam daripada semua kelemahan dalaman akibat salah faham dengan ajaran Islam. Ia merangkumi amalan budaya Taqlid, amalan bid'ah, khurafat dan sikap fatalis yang melampau (Kuntowijoyo 2004). Termasuklah juga paradigma yang bersifat *Legal Formalistik* (hitam putih-lebih suka menghukum semata-mata) tanpa mengambil kira soal falsafah dan latar belakang sejarah yang terkandung di dalamnya (Fazlur Rahman 1982). Terpenting, kita perlu menolak pendekatan Wahabisme yang memusuhi ilmu falsafah yang dikatakan berasal daripada pengaruh bukan Islam, Yunani. Akibatnya, seperti ditegaskan oleh Fazlur Rahman, sikap memusuhi filsafat ini telah menjemput kepada kelemahan pemikiran umat Islam: "*Philosophy is however a perennial intellectual need and has to be allowed to flourish both for its own sake and for the sake of other disciplines, since it inculcates a much-needed analytical-critical spirit and generate new ideas that become important intellectual tools for other sciences not least for religion and theology. Therefore a people that deprives itself of philosophy necessarily expose itself to starvation in terms of fresh ideas- infact it commits intellectual suicide.*" (Mohd Azhar 2001).
- 3) Mengenal pasti pendekatan dan penghayatan Islam sejati yang menjadi moto ataupun pemangkin kepada kehidupan yang lebih bersifat lestari. Ia merujuk kepada prinsip Tauhid, budaya ilmu, rasionalistik, *world affirmative* (dunia sebagai tempat berguna) dan *societal* (mementingkan hidup bermasyarakat) (Rahimin Affandi 2009).
- 4) Melakukan analisis epistemologi (isu asal usul, dasar, metode dan batas ilmu) terhadap pandangan *world-view* dan kognitif barat berasaskan *world-view* Islam. Usaha ini secara langsung memerlukan pemakaian pemikiran meta-kognitif dan usaha *re-definition* terhadap semua konsep yang dihasilkan oleh sistem kognitif barat (Mohd Azhar 2001).

- 5) Pemilihan secara selektif dengan elemen positif daripada *world-view* dan kognitif barat. Terpenting, kita perlu mengamalkan sikap proaktif (terbuka dan sanggup belajar-kritis dengan pihak luar) dan bukannya reaktif (sikap pasif dan apologetik dengan pencapaian silam) (Ilyas 1989). Kesemua elemen pilihan ini akan diintegrasikan dengan nilai Islam yang bersifat wasatiah. Hal ini memang mempunyai asas *precedentnya* dalam tradisi Islam silam, seperti usaha saintis Islam melakukan proses saringan-sintesis terhadap pandangan sains daripada Yunani (Mohd Azhar 2001). Terdapat beberapa kajian sains yang dikemukakan oleh ahli falsafah Yunani telah dikaji, disaring dan diperkukuhkan lagi oleh saintis Islam, yang membuahkkan karya sains Islam yang berteraskan prinsip Tauhid Islam sejati.
- 6) Pemakaian elemen pemikiran Meta-Kognitif untuk menilai kerangka konsep disiplin orientalisme.. Pada kebiasaannya, sarjana Islam kurang memahami perkara ini, kerana lebih terdedah dengan bentuk pemikiran kritis peringkat rendah; *sekadar memetik semula sesuatu maklumat tanpa membuat apa-apa penilaian. Ianya membabitkan usaha membanding dan membezakan, mengkategorikan, membuat sorotan sejarah, meneliti bahagian terkecil dan keseluruhan dan menerangkan sebab musabab sesuatu perkara.* Dalam soal ini, kita perlu mengaplikasikan pemikiran inovatif (Mohd Azhar 2001) dan pemikiran kritis peringkat tinggi, elemen metakognitif (*Thinking About Thinking*). Ia biasa digunakan bagi mengelakkan timbulnya kesilapan dalam berfikir. Antaranya membabitkan beberapa proses berfikir yang utama; *membuat ramalan, melakukan usul periksa, menyasat, meneliti sesuatu andaian, membuat inferens, mengesahkan sumber maklumat, membuat generalisasi dan mencari sebab musabab yang disertakan dengan kesimpulan yang terbaik.*

APIUM DAN USAHA PEMERKASAAN DISIPLIN OCCIDENTALISME

Dari segi aplikasinya, APIUM sedang berusaha menghidupkan disiplin occidentalisme secara tidak langsung yang diusahakan melalui kajian ilmiah oleh pensyarah dan pelajar pasca siswazah APIUM sendiri. Antara pencapaian yang telah dilakukan;

Pertama, APIUM mengamalkan sikap proaktif dengan elemen positif IPT barat semasa (Ruzman Mohd Nor 2011). Ini terbukti apabila APIUM telah akur dengan dasar Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pelan ini adalah untuk menetapkan setiap IPTA/IPTS terpilih melakukan program pengantarabangsaan. Ia cuba untuk akur dengan kehendak THES yang berusaha melakukan penarafan terhadap

IPTA di Malaysia. Antara lainnya, program pengantarabangsaan ini terdiri (Zaini Ujang 2009);

- 1) Penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) dalam pengurusan dan sasaran kerja setiap organisasi. Maksudnya, setiap organisasi dan sarjana di IPT Malaysia perlu mengemukakan bukti yang konkrit bagi setiap pencapaian ilmiah (sama ada penerbitan dan penyelidikan) yang berjaya dihasilkan setiap tahun.
- 2) Pelaksanaan autonomi dalam kalangan universiti terpilih dari segi tadbir urus dan kewangan.
- 3) Kepimpinan akademik yang lebih dinamik, *luwes* dan proaktif, terutamanya di peringkat jabatan.
- 4) Penekanan aktiviti akademik mestilah berpaksikan kepada penerbitan makalah dalam jurnal berwasit ternama peringkat antarabangsa, yang diambil kira dari segi penilaian untuk kenaikan pangkat.
- 5) Pelantikan profesor ternama sebagai staf universiti yang turut dibiayai oleh agensi penyedia geran penyelidikan.
- 6) Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa khususnya di peringkat ijazah lanjutan.
- 7) Peningkatan jumlah pensyarah berkelayakan Ph.D dan mendapat status profesional atau bertauliah.

Secara langkah proaktif, APIUM berusaha mempelajari semua elemen positif yang dimiliki oleh IPT barat. Mengikut perspektif semasa, mutu sesuatu IPT barat ini yang mendapat ranking tertinggi di dunia bergantung kepada:

- 1) Sejarah dan tradisi yang panjang – pengalaman yang lama terlibat dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan, terpenting tetap berpegang kepada idealism intelektual berasaskan falsafah, sejarah, politik, keilmuan dan ideologi Yunani-Roman klasik – tempat yang mengutamakan kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat walaupun bertentangan dengan status quo tertentu (Zaini Ujang 1993).
- 2) Nisbah pelajar cemerlang yang belajar dan graduan yang berjaya yang dilahirkan, kemudiannya menjadi penyumbang dana untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan di IPT terbabit (Mohd Azhar 2008).
- 3) Kualiti program dan bilangan ahli akademik yang bermutu.

- 4) Kemudahan pembelajaran seperti bengkel, makmal, dewan kuliah dan aplikasi ICT yang canggih.
- 5) Jumlah paten yang diperolehi daripada R & D.
- 6) Wujudnya pusat kecemerlangan yang berteraskan R & D.
- 7) Bilangan hadiah dan anugerah seperti anugerah kualiti, Nobel Prize, The Pulitzer Prize, Medal Award dan sebagainya.
- 8) Terbuka dengan tren dan falsafah semasa yang berkembang di dalam masyarakat dan industri.
- 9) Jumlah profesor terkenal dan diiktiraf dunia yang dimiliki dalam bidang tertentu. Status profesor tersohor ini dinilai dari segi autoritinya sebagai sumber rujukan bagi proses pencarian ilmu, sentiasa terlibat dalam pemantapan ilmu dan terpenting sekali: *sentiasa mencari ufuk dan dimensi baru untuk membolehkan penerokaan ilmu secara lebih mendalam dilakukan oleh penyelidik yang lain*. Hasil kajian profesor ini sering dijadikan indeks nukilan (*citation index*) dalam jurnal berwasit.
- 10) Wujudnya pelajar “Pelajar Pasca Siswazah (PPS)” yang baik dan berinovatif membantu seseorang profesor melakukan penyelidikan yang menghasilkan temuan baru yang bermutu tinggi. Ia termasuk juga temuan baru yang memperbaiki mutu teori yang lama. Atas dasar inilah, kebanyakan IPT terkenal di barat berusaha mengurangkan pengambilan pelajar ijazah pertama dan lebih menumpukan kepada pelajar PPS. Mengikut pengalaman IPT di barat, kebanyakan daripada hadiah Nobel dalam pelbagai bidang terhasil daripada gabungan antara pelajar PPS dengan profesor terkenal dalam bentuk sistem mentor mentee.

Hal ini turut diikuti dengan usaha APIUM mengenal pasti beberapa *niche area* yang diperlukan untuk konteks zaman moden. Ia dibuat berdasarkan proses pembelajaran dengan apa yang dicapai oleh IPT barat. Antara bidang yang mungkin penting terdiri daripada bidang perundangan (seperti zakat, fatwa, wakaf, kepenggunaan, budaya, gender, sosiologi hukum Islam dan sebagainya), Muamalat (produk Perbankan Islam, Insurans Islam, Dinar emas dan sistem Bond Islam), Usuluddin (pemikiran Islam menangani isu global, pemikiran kritis dan kreatif Islam dan pemikiran Islam menangani fahaman/idealisme moden), Komunikasi (konsep filem Islam dan konsep media Islam alternatif) dan sains dan teknologi Islam (Astronomi Islam, falsafah sains dan teknologi Islam dan bio-teknologi dan pengaruhnya terhadap umat Islam).

Kedua, memperjelaskan kelemahan epistemology disiplin orientalisme klasik yang terpengaruh secara langsung dengan fahaman sekularisme. Antaranya;

- 1) Penetapan premis bahawa Islam adalah agama yang salah dan tidak betul, bersesuaian dengan teori evolusi Darwin yang menganggap bahawa tamadun sekular barat adalah merupakan tamadun kemanusiaan yang paling maju dan tinggi, berasaskan pendekatan yang menolak sebarang bentuk ajaran agama (Maryam Jameelah 1971). Mengikut teori ini, mana-mana masyarakat, khususnya masyarakat timur yang masih mengamalkan sesuatu agama berada di dalam kelompok masyarakat primitif, yang tertipu dengan pengajaran keagamaan. Bahkan mereka menganggap bahawa penderitaan manusia adalah berpunca daripada kelemahan manusia yang tertipu dengan berpegang kepada kepercayaan keagamaan (Idris Zakaria 1999). Berasaskan teori evolusi ini, kajian terhadap Islam perlu didahulukan dengan pelbagai hipotesis yang negatif tentang ajaran Islam yang kemudiannya bakal dibuktikan kesalahannya dengan pelbagai fakta yang difikirkan patut. Antara hipotesis yang sering digunakan adalah keyakinan bahawa Rasulullah adalah manusia biasa dan bukannya seorang pesuruh Allah (D.S. Margoliouth 1975) yang amat hina (Maxime Rodinson 1977) dan licik (John Wansbrough 1977) dalam menjalankan dakyah agama ciptaannya (D.B. Macdonald 1917) menggunakan al-Quran yang diciptanya sendiri (John Wansbrough 1977) hasil peniruan yang dibuat daripada pengalaman berhubung dengan orang Yahudi dan Kristian (Richard Bell 1926).
- 2) Seorang pengkaji agama Islam perlu menjadikan dirinya bebas ataupun meninggalkan pegangan agamanya, yang tidak boleh menganggap agamanya sebagai akidah yang mesti ditaati (Ahmad Ghorab 1995). Pendekatan yang bebas nilai ataupun *Bird Eyes View* ini ditetapkan kononnya bagi mengelak pengkaji terjebak dengan fanatik keagamaan yang dipegangnya. Kaedah ini dilakukan kononnya untuk menjadikan kajian tersebut sebagai objektif, saintifik, *value-free* dan tidak berat sebelah berasaskan *world-view* yang menjadi pegangan si pengkaji terbabit (Mahmood Nazar 1998). Pendekatan ini walaupun kelihatannya begitu ideal tetapi ianya hanya bersifat mitos semata-mata yang agak mustahil untuk dicapai kerana dua faktor utama; a) setiap pengkaji secara pasti akan terpengaruh secara langsung dengan *world-view* tersendiri yang biasanya terdiri daripada kepercayaan, kepentingan diri, hambatan sosial dan keilmuan yang sedia ada. Faktor b), kerana pendekatan ini bertentangan dengan prinsip moralis intelektual Islam (Abu Bakar 1993). Walaupun seseorang sarjana Islam patut menggunakan pendekatan saintifik ini, tetapi penggunaannya masih memerlukan kepada penilaian penulis yang membabitkan nilai baik dan buruk sesuatu perkara berasaskan pandangan Islam. Ringkasnya, sebarang kajian ilmiah menurut Islam bukan setakat

pembentangan fakta tentang sifat dan bentuk agama terbabit yang dibuat untuk mendapat nikmat pengetahuan semata-mata (Wan Mohd Nor 1997), tetapi ia harus disertakan dengan penilaian yang rapi berasaskan prinsip-prinsip pensejarahan Islam, apa sahaja yang berlaku di dalam sejarah manusia pasti ada sebab musabab berkaitan dengan ketaatan dan penderhakaan terhadap hukum Allah dan harus dijadikan sebagai iktibar untuk kepentingan kemanusiaan (Abdul Rahman 2000).

- 3) Penggunaan kaedah penyelidikan ilmiah sains sosial barat sebagai satu-satunya cara untuk mendapatkan ilmu yang paling tepat dan betul, yang kononnya dibuat melalui kaedah yang cukup sistematik, teliti dan objektif (Mohd Natsir 1997). Manakala pengkajian agama yang berpandukan sumber wahyu akan dianggap sebagai tidak saintifik dan tidak boleh dibuktikan secara emperikal (semua perkara yang boleh ditangani secara lahiriah dengan pancaindera) (Abdul Rahman 2000). Pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap mereka yang menolak agama dan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dan ditangani dengan pancaindera (Louay Safi 1998). Sebagai ganti kepada sumber wahyu yang dianggap sebagai tidak saintifik, seseorang pengkaji Islam perlu bergantung sepenuhnya kepada akal yang bebas, dengan menerima pakai teori-teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh orientalis barat yang rata-ratanya terpengaruh dengan fahaman sosiologi barat (aliran kapitalisme dan sosialisme) (Kamal Hasan 2001).
- 4) Keperluan untuk memilih sumber bahan kajian tentang ajaran Islam yang rapi dan tidak bersifat berat sebelah. Suatu bentuk piawaian kualiti yang agak ketat telah dikenakan kepada sesuatu sumber bahan yang membabitkan kajian Islam (Abdul Rahman 1994). Walaupun dalam soal ini mereka begitu teliti dan cerewet di dalam menilai kebenaran dan kesahihan karya-karya yang dihasilkan oleh sarjana Islam silam, pada masa yang sama juga mereka telah bersikap liberal dan tidak mengikuti ketetapan piawaian ini dengan menerima pakai sumber bahan milik sarjana orientalis silam yang kebanyakannya dibuat berasaskan kepada fantasi, cerita dongeng (Norman Daniel 1966) dan semangat antiIslam yang melampau sebagai akibat daripada peristiwa Perang salib (E.E. Calverley 1958).
- 5) Sebarang penganalisaan kritikal terhadap ajaran Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan *higher criticism*. Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian (Abdul Rahman 1994) kemudiannya telah turut diperpanjangkan kepada agama Islam. Berasaskan pendekatan ini mereka telah cuba membuktikan kesilapan kandungan Quran dan Sunnah yang secara pastinya bermotifkan matlamat untuk menunjukkan Islam sebagai agama yang salah.

Apatah lagi Islam telah disamatarafkan dengan agama budaya dunia yang lain, yang terhasil bukannya daripada wahyu Allah, tetapi kerana faktor budaya masyarakat setempat (Shukri Ahmad 1998). Pecahan daripada pendekatan *higher criticism* yang dikenali sebagai kaedah historicisme perlu dipakai sepenuhnya di dalam membuat penelitian ilmiah terhadap sesuatu peristiwa sejarah umat Islam. Kaedah historicisme ini mempunyai dua elemen yang amat negatif kerana terpengaruh dengan fahaman sekularisme yang menganggap agama adalah sebagai fenomena yang tidak saintifik yang perlu ditolak di dalam sesuatu perkiraan akademik. Melalui kaedah ini, dua perkara penting telah ditetapkan;

- a) Untuk memahami sesuatu fakta sejarah kita perlu melakukan penelitian yang rapi terhadap asal usul sesuatu peristiwa tersebut (Friedrich Meinecke 1956). Akan tetapi pencarian asal usul ini terhenti kepada dunia fizik semata-mata dan menolak alam supra rasional seperti wahyu Allah (Friedrich Meinecke 1956).
- b) Huraian terhadap peristiwa sejarah yang bersifat anti alam Ghaib (non fizik) menyebabkan manusia terpaksa bergantung sepenuhnya dengan akal di dalam mencari sebab musabab terhadap lingkungan empirik atau dunia fizik sesuatu peristiwa yang berlaku (Maurice Mandelbau 1986).

Ketiga, melakukan proses ulang kaji kritis terhadap karya orientalisme silam yang berkaitan dengan subjek Islam di Alam Melayu. Dalam konteks ini, beberapa contoh boleh diberikan;

- 1) Kajian Tantiana A. Denisova yang mendedahkan kelemahan kajian sejarawan barat terhadap teks sumber sejarah tempatan. Bagi mereka, sumber sejarah Alam Melayu merangkumi *Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Tuhfat Al-Nafs* dan sebagainya tidak mengandungi apa-apa faedah yang menggambarkan latar belakang sosio-politik-ekonomi dan intelektual masyarakat Alam Melayu. Hal ini telah diulas dengan cukup baik oleh dr Tantiana yang mendedahkan mutu intelektual yang terkandung di dalam kesemua sumber sejarah Alam Melayu ini (Ahmad Faisal 2011).
- 2) Kajian yang mendedahkan bagaimana kedatangan kuasa penjajah British telah merosakkan momentum pelaksanaan syariah yang awal di Alam Melayu. Ini kerana di zaman sebelumnya, syariah Islam memang pernah menjadi *law of the land* di dalam masyarakat Melayu silam. Hanya dengan kedatangan penjajah British kemudiannya pemakaian English Common Law di Tanah Melayu diperkenalkan yang kekal hingga pada masa sekarang (Anuar Ramli 2002). Hal ini turut menyumbang kepada pengukuhan Teori *Receptio in complex*. Memandangkan wujudnya institusi

politik dan pendidikan Islam yang cukup kuat di dalam masyarakat Melayu-Islam, hukum Islam telah mendapat tempat yang cukup kuat di dalam masyarakat sehingga ia telah menjadi adat kebiasaan (Urf) dan asas untuk jati diri ataupun terdalem di dalam masyarakat Melayu (Siddiq Fadhil 2006). Ia telah sebati menjadi elemen pola cita dan kelakuan di dalam kebudayaan Melayu (Rahimin Affandi 2006).

- 3) Kajian Rahimin Affandi Abdul Rahim yang mendedahkan bagaimana sarjana pentadbir British (tokoh orientalis awal) yang awal di Tanah Melayu menjalankan kajian mereka demi untuk mendukung kepentingan kolonialism kuasa British di Alam Melayu. Mereka telah mengkaji kebudayaan masyarakat timur (oriental) dalam semua aspek, khususnya sifat positif dan negatif yang kedapatan dalam masyarakat tersebut. Kajian ini secara langsung bertujuan untuk menjadi suaka dan alat kepada kuasa politik penjajah (Asaf Hussain 1984) yang menghuraikan secara *detail* tentang kekuatan dan kelemahan masyarakat timur, yang bakal dipelajari oleh kuasa penjajah demi untuk menguatkan penguasaan mereka terhadap masyarakat tanah jajahan (Hamid Alqar 1971). Sifat utama kajian-kajian ini kebanyakannya cuba mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas (A. Wright dan T.H. Reid 1912), suka berpoya-poya (E.G. De Eredia 1930) keras kepala (T.S. Raffles 1830), tidak boleh diharap (W.L. Richmond 1928), suka berhutang (F. Swettenham 1895) dan sebagainya. Demi untuk memperbaiki keburukan ini, kuasa British telah dianggap sebagai penyelamat (*saviour*) masyarakat Melayu (R. O. Winstedt 1934) yang memperkenalkan sistem pendidikan ala barat yang berorientasikan materialisme dan pemupukan budaya British yang dianggap baik, yang sayangnya hanya dikhususkan hanya kepada kelas feodal Melayu. Berasaskan maklumat yang diperolehi oleh kuasa British daripada kajian pakar-pakar pentadbir British yang mendalami budaya Melayu (Skeat W.W. 1967), mereka telah memperkukuhkan lagi kedudukan kelas feodal Melayu yang dilatih untuk menjadi golongan yang berwajah Melayu, tetapi roh dalamannya bersifat British yang dianggap dapat dijadikan sebagai jalan perantaraan yang terbaik untuk menguasai masyarakat Melayu yang secara tradisinya begitu menghormati golongan feodal ini (Khasnor Johan 1979).
- 4) Kajian Mohd Farhan Abd Rahman dalam kajiannya bertajuk “Pandangan Sarjana Pentadbir British Terhadap Undang-Undang Islam Di Tanah Melayu: Rujukan Khusus Pada R.O. Winstedt telah cuba membuktikan kelemahan paradigm kajian yang diusahakan oleh R.O.Winstedst. Secara terang-terangan Winstedst bukanlah seorang pakar dalam bidang undang-undang, tetapi cuba memberikan pandangannya yang sangat negatif terhadap sistem perundangan Islam. Bukan setakat itu sahaja, bahkan

hasil tulisannya dalam bidang sastera Melayu telah dikritik hebat oleh pakar dalam bidang pengajian Melayu.

- 5) Kajian Ruzman Mohd Noor (2010) bertajuk “Pemodenan Dan Kesejahteraan Manusia Dari Perspektif Orientalisme” telah membuktikan bagaimana dasar British di Tanah Melayu penuh dengan pelbagai kelemahan yang kemudiannya menimbulkan masalah di Malaysia selepas merdeka. Pihak British bertanggungjawab sepenuhnya menanamkan benih awal perpecahan kaum, menghapuskan potensi hukum Islam dan menindas masyarakat awam Melayu berbanding dengan golongan feodal Melayu.

Keempat, menggalakkan kajian yang meneliti kecenderungan yang diamalkan oleh pusat kajian orientalisme barat semasa. Salah satu contoh yang cukup relevan adalah kajian Ariyanti Binti Mustapha bertajuk “Kajian Pemikiran Wael Hallaq Terhadap Pengkajian Ilmu Usul Al-Fiqh”. Dalam kajian di peringkat sarjana ini, Ariyanti telah mengupas pandangan Hallaq, seorang orientalisme moden tentang ilmu usul fiqh. Beliau Berjaya membuktikan bagaimana Hallaq telah menolak teori orientalis klasik, Jospeht Schacht yang menyatakan hukum Islam menjadi statik apabila pintu ijtihad telah ditutup pada abad keempat Hijrah. Sebaliknya, Hallaq telah membuktikan istilah pintu ijtihad tertutup tidak ditemui dalam karya usul fiqh selepas abad keempat Hijrah. Lebih menarik lagi, amalan ijtihad oleh fuqaha Islam pada zaman selepas abad itu tidak pernah berhenti, bahkan memang wujud beberapa orang fuqaha yang mengaku diri mereka sebagai *Mujtahid Mutlaq*.

Hal ini secara jelas menunjukkan bahawa Pusat Kajian Orientalisme moden sendiri memang mengamalkan pendekatan autokritik dan terbuka dengan perubahan. Ianya timbul akibat daripada kritikan hebat yang dikemukakan oleh Edward Said sehingga menuntut pihak mereka melakukan proses *reviewing* terhadap pendekatan metodologi silam yang memang sedia terpakai, merangkumi kajian yang berasaskan prasangka negatif terhadap Islam. Hal ini ditegaskan oleh Watt sebagai: *one of the feauters of the Second Half of the twentieth century is the great increase in contacts between adherents of different religious. A consequence of this is that it is no longer possible for the occidental scholar to pontificate about the religious of Asia as he did in the nineteenth century. The adherent of this religions now being to the same intellectual world as the occidental scholar and will criticize him if he fails to understand and appreciate their religion as a religion* (M. Watt 1970). Hal yang sama dinyatakan juga oleh W. C. Smith; “*Anything that I say about Islam as a living faith is valid only in so far as Muslims can say ‘amien’ to it*” (W.C. Smith 1974).

Kelima, melakukan kajian terhadap mana-mana NGO dan tokoh yang terpengaruh dengan paradig kajian orientalisme klasik yang salah tentang Islam. Sebagai contohnya, Mohd Kamil Abd Majid dan Ruzman Mohd Noor

dalam kajiannya bertajuk “Pengaruh Orientalisme Dalam Gerakan antihadis Di Malaysia: Analisis Kritikal” telah menganalisa bagaimana teori dua orang tokoh orientalis klasik, Ignaz Goldziher dan J. Schacht telah mempengaruhi Kassim Ahmad yang menolak hadis sebagai sumber Islam yang berotoriti (Ruzman 2010). J. Schacht melalui teori *backward-projection theory* cuba membuktikan hadis sebagai ciptaan palsu umat Islam yang dikatakan telah berasal daripada kata-kata Nabi Muhammad, kerana kononnya tidak ditemui manuskrip klasik catatan hadis (Ahmad Minhaji 2000). Teori tertolak apabila ditemui *manuscript* catatan hadis klasik yang berasal dari zaman Rasulullah sendiri, yang diusahakan oleh sarjana barat sendiri iaitu Nabia Abbot (Nabia Abbot 1967) dan mendapat kupasan bermakna oleh Mustaffa Azami, bekas pelajar lulusan Universiti Cambridge (Mustaffa Azami 1978) Seterusnya, penolakan teori antihadis ini telah diperjuangkan dengan cukup berkesan oleh Hallaq dan David Powers.

Mengikut Mohd Kamil Abd Majid dan Ruzman Mohd Noor lagi, sikap menolak hadis yang diamalkan oleh Kassim Ahmad ini timbul kerana kejahilannya tentang *world-view* Islam dan ketidakmampuannya memahami bahasa Arab, sehingga mendorongnya terpengaruh dengan karya berbahasa Inggeris yang dihasilkan oleh orientalis barat. Mohd Kamil Abd Majid (Mohd Kamil 2011) dan beberapa orang sarjana lain telah melakukan proses dekonstruksi iaitu usaha mengkaji asal usul pemikiran yang menghasilkan idealisme Globalisasi (Mohd Hazim 2005). Globalisasi bukanlah fenomena baru, ia pernah berlaku di dalam sejarah manusia sejagat (Abdul Rahman Embong 2000). Pertamanya globalisasi timbul dengan perkembangan perdagangan secara berhemah dan penyebaran agama Islam di Alam Melayu daripada tanah Arab dan kawasan Indo-Pakistan. Impak positifnya boleh dilihat apabila masyarakat Melayu menerima Islam dan membangunkan tamadun material dan intelektual yang cukup tinggi (Osman Bakar 2003). Globalisasi gelombang kedua berlaku dengan kedatangan pelbagai kuasa penjajah barat yang bersifat menindas (contohnya pihak barat membahagikan dunia kepada dunia dan kawasan tanah jajahan, wujudnya perniagaan hamba, rosaknya demografi penduduk peribumi dengan datangnya bangsa imigran asing dan lahirnya ilmu orientalis yang sebar idea kelemahan bangsa dijajah yang kekal sehingga pada masa sekarang) (Abdul Rahman Embong 2005).

Keenam, mengamalkan sikap selektif dan menghargai kajian yang dihasilkan oleh sarjana orientalisme semasa. Untuk konteks zaman moden ini, para sarjana orientalis masih lagi menumpukan perhatian mereka terhadap subjek tamadun dan pemikiran Islam di rantau Alam Melayu. Sesetengahnya memang ada yang memberikan gambaran yang positif tentang subjek ini, walaupun ianya sering dipersembahkan dalam bentuk yang bersesuaian dengan *world-view* sekularisme moden (Hadijah Rahmat 2001; Mohamad Abu Bakar 1993). Kita boleh memberikan beberapa contoh yang khusus, seperti;

- 1) Kajian Peter Riddel yang memberikan maklumat tentang perkembangan ilmu Tafsir di Alam Melayu. Dalam kupasan beliau, kita dapat mengetahui

bagaimana keilmuan asas Islam yang berasaskan kepada ilmu Tafsir Al-Quran masih lagi dipegang dan diamalkan secara kuat oleh masyarakat di rantau ini (Peter Riddel 2001).

- 2) Kajian M.B. Hooker yang memberikan gambaran terkini tentang bagaimana masyarakat Islam di Indonesia masih berpegang kepada amalan bermazhab Ahlu Sunnah Wal Jamaah di dalam menyelesaikan sesuatu masalah hukum yang timbul di dalam masyarakat.
- 3) Kajian Virginia Matherson yang memberikan gambaran tentang bagaimana kitab Jawi yang merupakan warisan leluhur masyarakat Melayu silam secara kuat masih dijadikan rujukan utama di pelbagai institusi pendidikan Islam (Virginia Matheson dan M.B. Hooker 1988). Hal ini sebaliknya telah mula dilupakan oleh pengkaji Melayu sendiri. Kajian beliau ini boleh dikatakan sebagai agak komprehensif yang biasanya akan dirujuk oleh mana-mana pengkaji terkemudian yang berminat dengan subjek tersebut.
- 4) Kajian yang dilakukan oleh Martin Van Bruinessen yang memperincikan kesemua kitab Jawi yang digunakan secara meluas di dalam sistem pengajian pesantren di Indonesia. Beliau telah bersusah payah mencari dan mengklasifikasikan karya-karya ini mengikut disiplin pengajian Islam yang berbeza.
- 5) Kajian yang dijalankan oleh John Esposito, Von Der Mehden dan William Roff tentang perkembangan pemikiran politik, kesedaran kebangkitan dan intelektual Islam di Malaysia, dalam bentuk yang agak mendalam dan mengambil kira kesemua faktor-faktor yang berkaitan.
- 6) Kajian yang dijalankan oleh Donald Horowitz yang agak komprehensif memperincikan program pembangunan hukum Islam dan semua organisasi perundangan Islam yang diusahakan oleh pihak kerajaan Malaysia semasa.
- 7) Kajian Learnard Binder, Kurzman dan Howard Finderspel yang menumpukan kajian terhadap dinamisme pemikiran Islam di Indonesia yang agak komprehensif.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat kita merumuskan di sini bahawa penubuhan pusat kajian occidentalisme Islam merupakan suatu keperluan mendesak pada masa sekarang. Hal ini ditegaskan berdasarkan realiti terlalu banyak manfaatnya yang

bakal diperoleh oleh ummah Islam semasa. Memandangkan disiplin ini telah menjadi medium utama untuk mengkaji dan menjawab segala kekeliruan yang ditimbulkan oleh genre orientalisme barat, momentum popularitinya telah mula disedari kalangan akademia sedunia, khususnya oleh intelektual Islam.. Ianya dapat dijadikan sebagai platform untuk mempelajari kekuatan dan kelemahan kognitif yang dimiliki oleh masyarakat barat. Berhadapan dengan persoalan ini, APIUM memang mempunyai pendekatan yang tersendiri terhadap genre orientalisme dan occidentalisme. Setakat yang telah diperincikan dalam kajian ini, ternyata pendekatan APIUM ini bersifat responsif, selektif dan proaktif. Ketiga-tiga sifat ini seperti mana dinyatakan oleh pemikir Islam semasa, merupakan sifat intelektual yang sangat diperlukan bagi mengisi keperluan pengisian keilmuan ummah Islam. Hanya dengan ilmu sahaja semua permasalahan ummah Islam dapat diselesaikan serta bakal meraih keberkatan dan keredhaan Allah.

RUJUKAN

- A. Wright dan T.H. Reid. 1912. *The Malay Peninsula*. London: t.pt.
- Abdul Rahman Abdullah. 1994. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat Dan Timur*, Kuala Lumpur: t.p.
- Abdul Rahman Embong. 2000. Wacana Globalisasi. Dlm. Noraini Othman dan Sumit Mandal (ed.). *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta Atau Mangsa*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Embong. 2005. Persoalan Pasca Kolonialisme. Dlm. Mohamad Daud Mohamad (ed.). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar. 1993. Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial. Dlm. *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Adian Husaini. 2006. *Hegemoni Kristian Barat Dalam Studi Islam Diperguruan Tinggi*. Jakarta: Gema Insan.
- Achmad Minhaji. 2000. Orientalismee Dalam Bidang Hokum Islam. Dlm. Amin Abdullah (ed.). *Mencari Islam: Studi Islam Dengan Berbagai Pendekatan*. Yogyakarta: Tiara Wacana.

- Ahmad Baso. 2002. *NU Studies: Pergolakan Pemikiran Antara Fundamentalis Islam Dan Fundamentalis Neo-Liberal*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid. 2011. Merekonstruksi Sejarah Islam Di Alam Melayu: Analisis Occidentalisme. Dlm. *World Congress For Islamic History And Civilization (WOCIHAC 2011)*, anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam di Balai Ilmu Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 10-11 Oktober 2011.
- Ahmad Ghorab. 1995. *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres*. Kuala Lumpur: Open Press Publication.
- Anuar Ramli. 2002. *Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Social Dalam Kebudayaan Malaysia*. Disertasi sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Mohd Fauzi bin Audzir. 2002. *Uruf Tempatan Di Negeri Kedah Dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis*, Disertasi sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Asaf Hussain. 1984. The Ideology Of Orientalisme. Dlm. *Orientalisme, Islam and Islamists*. Vermont: Amana Books Inc.
- D.B. Macdonald. 1917. Doctrine of Revelation in Islam. Dlm. *The Muslim world*. 7.
- D.S. Margoliouth (1975), *Mohammed and the rise of Islam*, New York: t.pt.
- Daud Rasyid. 2002. *Pembaruan Islam Dan Orientalismee Dalam Sorotan*. Jakarta: Media Akbar.
- E. G. De Eredia. 1930. The Description of Malaca. Dlm. *JMBRAS*. 8(1).
- E.E. Calverley. 1958. *Islam: An introduction*. Cairo: The American University in Cairo Press.
- F. Swettenham. 1895. *Malay sketch*. Singapore: t.p.
- Faizal Ismail. 1997. Studi Islam Di Barat, Fenomena Menarik. Dlm. Yudian W. Asmin (ed.). *Pengalaman Belajar Islam Di Kanada*. Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- Fazlur Rahman. 1982. *Islam And Modernity: Transformation Of An Intellectual Tradition*. Chicago and London: The University of Chicago Press.

- Friedrich Meinecke. 1956. Historicism and its problems. Dlm. *The Varieties of History*. New York: t.p.
- Hadijah Rahmat. 2001. *In Search Of Modernity: A Study of The Concepts of Literature, Authorship and Notion of Self In Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairudin Harun. 2004. *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam: Peranan Dan Proses Penyerapan Sains Asing Dalam Pembentukan Sains Islam Klasikal*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Hamid Alqar. 1971. The Problem of Orientalist. Dlm. *Islamic Literature*, xv11(2).
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2004. *Tantangan Sekularisasi Dan Liberalisasi Di Dunia Islam*. Surabaya: Penerbit Khairul Bayan.
- Hashim Musa. 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Idris Zakaria. 1999. *Intelek Eropah dan penentangan terhadap agama*. Dlm. *al-Maw'izah*. 7.
- Ilyas Ba Yunus. 1989. Sosiologi Dan Realiti Sosial Umat Islam. Dlm. I.R. Faruqi (ed.). *Sains Sosial Dan Sains Tulen*. Kuala Lumpur: Dewam Bahasa dan Pustaka.
- John Wansbrough. 1977. *Quranic Studies: Sources and methods of scriptural interpretation*. Oxford: t.p.
- Khasnor Johan. 1979. Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah. Dlm. *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur.
- Louay Safi. 1998. *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Nur Hadi Ihsan (terj.). Kuala Lumpur: t.pt.
- Luthfi Assyaukanie. 2007. *Islam Benar versus Islam Salah, Kata Kita*. Indonesia: t.pt.
- M. Watt. 1970. *Bells Introduction to The Quran*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

- Mahmood Nazar Mohamed. 1998. Asas-Asas Penyelidikan Sains Sosial. Dlm. *Pengenalan Kepada Sains Sosial*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Maryam Jameelah. 1971. *Islam and Orientalisme*. Lahore: t.pt.
- Maurice Mandelbau. 1986. Historism. Dlm. *The Encyclopedia of Philosophy*. iv.
- Maxime Rodinson. 1974). The Western Image and The Western Studies of Islam. Dlm. *The Legacy of Islam*. London: Oxford Press.
- Maxime Rodinson. 1977. *Muhammed*. London: t.p.
- Mohamad Daud Mohamad. 2005. *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2001. *Hadiah Novel Dan Kreativiti Sains*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2001. *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Hazim Shah Abdul Murad. 2005. Epistemology Colonial: Satu Analisis Ciri Dan Kesannya. Dlm. Mohamad Daud Mohamad (ed.). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamil Abd Majid. 2011. Globalisasi dan Impaknya Terhadap IPT Aliran Islam Di Malaysia: Analisis Sejarah. Dlm. *World Congress For Islamic History And Civilization (WOCIHAC 2011)* anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 10-11 Oktober 2011.
- Mohd Natsir Mahmud. 1997. *Orientalisme: Al-Quran Di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang: LKIS.
- Muhammad Kamal Hasan. 2001. Dlm. *Intellectual Discourse At The End Of The Second Millennium: Concerns Of A Muslim-Malay CEO*. Kuala Lumpur: UIAM.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. 1996. The Philosophy and The Nature of Islamic Research. Dlm. *Conceptual and Methodological Issues In Islamic Research*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Syukri Salleh. 2009. Melayu-Islam Dan Sumber Kekuatan Yang Diabaikan. Dlm. Kalthum Ibrahim (ed.). *Dunia Melayu Dan Islam: Satu Wacana*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mustaffa Azami. 1978. *Studies In Early Hadis Literature*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Nabia Abbot. 1967. *Studies in Arabic Literary Papyri, vo. 11, Quranic Commentary and Tradition*. Chicago: The University of Chicago press.
- Norman Daniel. 1966. *Islam, Europe and Empire*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Osman Bakar. 2003. Globalisasi dan Peradaban. Dlm. A. Aziz Deraman (ed.). *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peter Riddel. 2001. *Islam And The Malay-Indonesian World*. Singapore: Oxford University press.
- R.O. Winstedt. 1934. A History of Perak. *JMBRAS*. 12(1).
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2007. Etika Kepimpinan Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia: Satu Analisis. Dlm. *Prosiding Seminar Kepimpinan Islam Peringkat Antarabangsa*, anjuran APIUM, pada 10-11 Julai 2007.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2010. Pemodenan Dan Kesejahteraan Manusia Dari Perspektif Orientalisme. Dlm. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Brunei*, pada 24-25 Februari 2010.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 1997. The Reformation of The Islamic Educational System: An Analysis of The Reformist's Point Of View. Dlm. *Muslim Educational Quarterly*. 14(3).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2006. Ulamak dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu. Dlm. Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din (ed.). *Wacana Budaya*. Kuala Lumpur: APMUM.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2005. Isu Pendekatan Di Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Telaah Awal. *Jurnal Syariah*. 13(1).
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2009. Paradigma Wasatiyyah Dan Dailog Peradaban: Satu Analisis. *Jurnal Peradaban*, Pusat Dailog Peradaban UM. 2.

- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2005. Isu Dan Pengaruh Orientalisme Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*. 2(1).
- Richard Bell. 1926. *The origin of Islam and its Christian enviroment*, London: t.p.
- Ruzman Mohd Nor. 2011. Peranan Ilmu Dan Teknologi Semasa Dalam Perkembangan Pengajian Islam: Satu Analisis. *Seminar Wahyu Asas Tamadun: Quran Sumber Warisan, Pencetus Inovasi*. Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Dewan Kuliah Utama, USIM pada 21-22 September 2011.
- Ruzman Mohd Nor. *et.al.* 2010. Pemodenan Dan Kesejahteraan Manusia Dari Perspektif Orientalisme. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat*, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Brunei pada 24-25 Februari 2010.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2004. Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju. *Jurnal Pemikir*.
- Shukri Ahmad. 1998. *Agama dan Masyarakat*. Dlm. *Pengenalan kepada Sains Sosial*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Siddiq Fadhil. 2006. Pertembungan Islam Dengan Budaya Peribumi: Pengalaman Alam Melayu. Dlm. Md Salleh Haji Ahmad (ed.). *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, APIUM.
- Skeat, W.W. 1967. *Malay Magic: Being An Introduction To The Folklore And Popular Religion In The Malay Peninsula*. New York: t.pt.
- Syamsuddin Arif. 2008. *Orientalis Dan Diabolisme Pemikiran*. Jakarta: Gema Insan.
- T.S. Raffles. 1830. *Memoir of The Life And Public Services of Sir Stamford Raffles*. 1. London: t.pt.
- Virginia Matheson dan M.B. Hooker. 1988. Jawi Literature in Patani: The Maintenance of An Islamic Tradition. *JMBRAS*. 61(1).
- W. C. Smith. 1974. History of Religions: Whiter and Why?. Dlm. Mircea Eliade dan J. M. Kitagawa (ed.). *The History of Religions: Essays in Methodology*. Chicago & London: The University of Chicago Press.
- W. L. Richmond. 1928. *The Modern Malay*. London: t.pt.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: DBP.

Zainal Abidin. 2003. *Sosiosophologi: Sosiologi Islam Berbasis Hikmah*. Bandung: Penerbit Pustaka Setia.

Zaini Ujang. 1993. *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: IKD.

Zaini Ujang. 2009. *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM.